



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	20/11/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	JKPTG / BAUKSIT		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

'Percepat kebenaran lombong bauksit'

Peneroka yang pajak tanah bagi aktiviti bauksit sudah lama tiada sumber kewangan

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Kerajaan Pahang digesa mempercepat kebenaran aktiviti melombong bauksit di Felda Bukit Goh, Bukit Kuantan dan Rancangan Tanah Pemuda (RTP) sebaik sahaja prosedur operasi standard (SOP) dimuktamadkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah berkata, gesaan itu dibuat kerana peneroka yang membuat pajakan tanah bagi aktiviti bauksit sudah lama tiada sumber kewangan akibat operasi terbabit dihentikan.

Justeru, katanya, kerajaan di negeri diminta me-



Sudah tiga empat tahun peneroka menderita sebab ladang sawit mereka tiada hasil, bauksit ditutup dan kehidupan sehari-hari mengharapkan ihsan sanak saudara. - Md Sohaimi



ainkan peranan dan campur tangan bagi gesa kerajaan Pusat supaya aktiviti perlombongan bauksit dapat dijalankan segera demi kelangsungan hidup peneroka.

"Sudah tiga empat tahun peneroka menderita sebab ladang sawit mereka tiada hasil, bauksit ditutup dan kehidupan sehari-hari mengharapkan ihsan sanak saudara.

"Jadi, kita rayu, seru kerajaan mempercepatkan proses operasi ini segera," katanya ketika menyampai-

kan perbincangan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini semalam.

Perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Bukit Kuantan dan RTP dihentikan sejak Januari 2016 selepas kerajaan menguatkuasakan moratorium dan proses moratorium itu tamat pada 31 Mac lalu.

Dalam perbincangan itu, Md Sohaimi mahu kerajaan negeri memberi khidmat bantuan kepada tuan tanah agar tidak terus ter-tipu seperti sebelum ini.

Jelasnya, sebelum ini pemilik tanah hanya memperoleh keuntungan kira-kira 20 peratus daripada hasil perlombongan bauksit manakala pengusaha

mendapat 80 peratus.

"Ini sebab ada orang tengah, mereka banyak ambil kesempatan sehingga menyebabkan tuan tanah mendapat habuan tidak setimpal.

"Justeru, kerajaan negeri perlu melakukan sesuatu dalam isu ini," katanya.